

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JIF 318 – Mekanik Kuantum**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. (a) Jelaskan dengan ringkas kelemahan-kelemahan fizik klasik dalam menerangkan keputusan beberapa ujikaji yang tertentu. Terangkan bagaimana mekanik kuantum dapat mengatasi kelemahan ini.

(30 markah)

- (b) Elektron hanya boleh bergerak di dalam sfera berjejari  $2\text{\AA}$ . Dengan menggunakan Prinsip Ketidakpastian Heisenberg, tentukan tenaga minima elektron ini.

$$\begin{bmatrix} \hbar = 1.054 \times 10^{-34} \text{ Js} \\ m_e = 9.1 \times 10^{-31} \text{ kg} \end{bmatrix}$$

(20 markah)

- (c) Suatu sistem yang mengandungi tali yang panjangnya  $L$  membentuk gelombang pegun yang boleh diwakili oleh

$$\frac{\partial^2 \psi(x, t)}{\partial x^2} = \frac{1}{c^2} \frac{\partial^2 \psi(x, t)}{\partial t^2}$$

Tunjukkan bahawa sistem ini boleh diwakili oleh persamaan Schrödinger

$$\frac{d^2 \psi}{dx^2} + \frac{2m}{\hbar^2} [E - U] \psi = 0.$$

(50 markah)

2. (a) Nyatakan dengan ringkas postulat-postulat untuk mekanik kuantum.

(50 markah)

(b) Jelaskan sebutan-sebutan berikut:

- (i) Ruang Hilbert
- (ii) Operator Adjoin
- (iii) Operator Umitari
- (iv) Operator Hermitian

(20 markah)

(c) Jika  $\hat{A}$ ,  $\hat{B}$  dan  $\hat{C}$  merupakan operator-operator Hermitian, buktikan bahawa

- (i)  $(\hat{A} \hat{B} \hat{C})^+ = \hat{A} \hat{B} \hat{C}$
- (ii)  $(\hat{C} \hat{A})^+ = \hat{C}^* \hat{A}^*$
- (iii)  $(\hat{A} \hat{B})^+ = \hat{B}^* \hat{A}^*$

(30 markah)

3. (a) Jelaskan sebutan-sebutan berikut:

- (i) Nilai jangkaan
- (ii) Operator berkomut
- (iii) Operator tak berkomut.

(30 markah)

(b) Jika  $\hat{P}_x \rightarrow -i\hbar \frac{\partial}{\partial x}$ ,  $\hat{x} \rightarrow x$ , buktikan  $\hat{P}_x$  dan  $\hat{x}$  tak berkomut.

(30 markah)

(c) Nilaikan komutator-komutator berikut:

(i)  $[\hat{P}_x, \hat{x}^2]$

(ii)  $[\hat{P}_x^2, \hat{x}^2]$

(40 markah)

4. (a) Persamaan Schrödinger untuk zarah dalam kotak 1-Dimensi ialah

$$-\frac{\hbar^2}{2m} \frac{\partial^2}{\partial x^2} \psi(x, t) + V(t) \psi(x, t) = i\hbar \frac{\partial}{\partial t} \psi(x, t)$$

Dengan mengambil kira potential sistem sebagai

$$\begin{aligned} V(x) &= 0, \quad 0 \leq x \leq L \\ &= \infty, \quad x < 0, x > L \end{aligned}$$

Tunjukkan bahawa penyelesaian penuh persamaan Schrödinger ialah

$$\psi(x) = \sqrt{\frac{2}{L}} \sin \frac{n\pi x}{L}$$

dengan  $n = 1, 2, 3 \dots$

(70 markah)

(b) Buktikan juga tenaga sistem boleh diberikan oleh persamaan

$$E_n = \frac{n^2 \hbar^2 \pi^2}{2mL^2}$$

(10 markah)

(c) Plot ketumpatan kebarangkalian  $|\psi|^2$  bagi sistem ini untuk beberapa nombor kuantum yang rendah.

(20 markah)

5. (a) Dalam proses penembusan halangan, halangan potential adalah berbentuk segiempat yang diberikan oleh

$$V(x) = \begin{cases} 0 & |x| \geq a \\ V_0 & |x| < a \end{cases}$$

Dengan menggunakan persamaan Schrödinger yang sesuai tunjukkan bahawa fungsi gelombang boleh diberikan oleh

$$\psi_i = Ae^{ikx} + Be^{-ikx}$$

$$\psi_{ii} = Ce^{-ix} + De^{ix}$$

dan       $\psi_{iii} = E e^{ikx}$

di mana  $\psi_i$ ,  $\psi_{ii}$  dan  $\psi_{iii}$  mewakili fungsi gelombang masing-masing diluar halangan, di dalam halangan dan yang menembusi halangan.

(70 markah)

- (b) Jelaskan proses penembusan halangan untuk

- (i) Reputan alfa
- (ii) Songsangan Ammonia
- (iii) Diod Terowong.

(30 markah)